



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

SEMINAR PERANAN PERUNDING DALAM  
MENYEDIAKAN REKA BENTUK SEJAGAT SECARA  
INKLUSIF

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**06 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)**  
**9.00 PAGI**

**HOTEL IXORA  
PERAI**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Moderator Seminar**

- I. **Yang Berusaha Prof. Dato' Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim**  
Pensyarah Kanan  
Department of Architecture / KAED Universal Design Unit  
Kuliyah Of Architecture And Environmental Design (KAED)  
International Islamic University (IIUM)
- II. **Yang Berusaha Hajah Dalilah Bee Binti Abdullah**  
Arkitek  
Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- III. **Yang Berusaha Dr Tiun Ling Ta**  
Ahli  
Penang Accessibility Action Group (PAAG)

**Yang Berbahagia Dato' Teh Lay Kuan**  
Presiden  
Persatuan Orang Cacat Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Encik Eric Tai Boon Seng**  
Presiden  
Persatuan Sukan dan Rekreasi OKU Pulau Pinang

**Ketua-Ketua Jabatan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Atau Wakil Agensi Kerajaan**

**Peserta-Peserta Seminar**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam sejahtera.

Alhamdulillah, terlebih dahulu izinkan saya memanjang rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk mengadakan Seminar Peranan Perunding Dalam Menyediakan Reka Bentuk Sejagat Secara Inklusif.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada kesemua moderator, Yang Berusaha Prof. Dato' Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim, Pensyarah Kanan di International Islamic University (IIUM); Yang Berusaha Hajah Dalilah Bee Binti Abdullah, Arkitek, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; Yang Berusaha Dr. Tiun Ling Ta daripada Penang Accessibility Action Group (PAAG) dan Puan Noorhanis Binti Noordin, Majlis Perbandaran Seberang Perai. di atas kesudian menghadiri serta membantu dalam melancarkan seminar yang dianjurkan pada hari ini. Saya juga merasa amat sukacita dengan kehadiran dan kesudian para peserta sekalian yang hadir dalam seminar ini dari jauh dan dekat dalam usaha membantu meningkatkan kesejahteraan golongan orang kurang upaya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam memastikan seminar ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi peserta yang datang daripada jauh atau luar Seberang Perai, saya ucapkan selamat datang ke Seberang Perai dengan harapan Seberang Perai juga menjadi antara destinasi pelancongan YBhg. Dato' Tuan-Tuan dan Puan-Puan selepas ini. Sekiranya berkesempatan silalah luangkan sedikit masa di Seberang Perai. YBhg. Dato' Tuan-Tuan dan Puan-Puan boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung lokasi-lokasi yang menarik di Seberang Perai dengan memuat turun aplikasi MyMPSP pada telefon pintar atau tablet melalui aplikasi PlayStore.

### **YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kerajaan Negeri dan MPSP amat komited dalam usaha memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua

aspek kehidupan. MPSP memberi keutamaan termasuk penyediaan fasiliti yang lebih baik dan lebih mesra pengguna selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang mesra OKU.

Berdasarkan kajian World Bank, 70% daripada penduduk dunia akan tinggal di bandar menjelang tahun 2050. Oleh itu, sudah pasti akan ada jurang ketidaksamaan di dalam pemberian perkhidmatan sekiranya perkara ini tidak diatasi pada masa sekarang.

Oleh sebab itu, MPSP telah menjadikan *inclusiveness as guiding principal* dalam merancang pengurusan dan pembangunan bandar 2018–2022. Perkara ini juga terkandung dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 di bawah Keutamaan Strategik (*Strategic Priority - SP 10*): *Pembangunan bandar yang inklusif dan saksama*. Selain itu, ianya juga termaktub dalam *Sustainable Development Goals* (SDG 11) iaitu *Sustainable Cities and Communities*. MPSP telah merangka program di bawah Keutamaan Strategik (SP 10) dan *Sustainable Development Goals* (SDG 11) yang tertumpu kepada Reka Bentuk Sejagat (UD) untuk semua bangunan awam dan keperluan penyediaan kemudahan OKU di semua fasiliti MPSP yang dikunjungi awam.

Akta Orang Kurang Upaya 2008, mendefinisikan "orang kurang upaya" (OKU) sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Kategori-kategori OKU tersebut termasuklah kurang upaya fizikal, kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, masalah pembelajaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai.

Di samping itu, golongan OKU sementara juga dikenal pasti, berdasarkan kepada fakta bahawa setiap individu akan melalui pengalaman kekurangan upaya akibat kecederaan atau jatuh sakit. Ini termasuklah individu yang terpaksa menggunakan kerusi roda atau tongkat untuk bergerak dan juga wanita hamil yang memerlukan kemudahan sokongan seperti susur tangan (*handrails*) untuk menaiki tangga.

## **YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Seksyen 34A mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, keluar dan berada dalam bangunan dan menyediakan kemudahan digunakan oleh OKU dan hendaklah mematuhi Malaysian Standard (MS) iaitu MS 1184 dan MS 1183 dalam memastikan kepatuhan kepada Reka Bentuk Sejagat dan persekitaran fizikal yang mesra OKU.

Oleh itu, dalam usaha meningkatkan kesejahteraan OKU, pelan-pelan pembangunan dan infrastruktur yang dikemukakan oleh pemaju dan perunding hendaklah mematuhi Reka Bentuk Sejagat sebelum diluluskan dan sebelum Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.

Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) didefinisikan sebagai reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas. Ia merupakan satu konsep bagi membolehkan setiap individu

mengakses kepada semua tempat dan kemudahan pada setiap masa. Konsep ini meliputi reka bentuk kediaman, tempat kerja, pengangkutan, perhubungan, peralatan komputer, perabot serta apa-apa produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan harian dan kehidupan semua golongan individu.

Inisiatif Kerajaan Negeri dan MPSP dalam memenuhi hak dan kepentingan OKU perlu diimplementasi dalam semua aspek pembangunan, infrastruktur dan sosial bagi memastikan matlamat kita untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya mampan, rendah karbon, pintar dan inklusif tercapai.

Penyediaan Reka Bentuk Sejagat di dalam perancangan dan pembangunan bandar perlulah dilaksanakan bersama di antara MPSP, pihak profesional, pihak swasta (*private sector*) dan juga rakyat.

- MPSP menyediakan Panduan Ringkas Reka Bentuk Sejagat 2018 yang memberi panduan terhadap aplikasi konsep Reka Bentuk Sejagat di dalam merancang kemudahan dan persekitaran bandar yang boleh diakses oleh semua golongan individu berdasarkan kepada Garis Panduan Perancangan Reka

Bentuk Sejagat (*Universal Design*), Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengikut *Malaysian Standard (MS 1184:2014 Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice)* yang dihasilkan oleh Jabatan Standard Malaysia. Latihan juga diberikan melalui program kursus, seminar dan bengkel.

- Pihak profesional menterjemahkan melalui lukisan *architecture*.
- Pemaju menjadikan lukisan *architecture* kepada *reality*.
- Masyarakat atau penduduk tidak menyalah gunakan kemudahan tempat letak kereta, tandas dan lain-lain kemudahan yang disediakan khas untuk OKU.

Di sini, peranan perunding dan agensi teknikal sebagai pelaksana kepada inisiatif-inisiatif tersebut hendaklah memahami keperluan semua golongan masyarakat termasuk golongan kurang upaya. Semua pihak seperti perunding, pemaju dan agensi teknikal perlu faham apakah yang perlu disediakan dalam Pelan Merancang dan Pelan Bangunan dan hendaklah disemak sebelum Pelan Merancang dan Pelan Bangunan ini dipertimbangkan di Jawatankuasa OSC.

**YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang prihatin kepada keperluan Rekabentuk Sejagat atau lebih dikenali sebagai *Universal Design* (UD), MPSP menganjurkan Seminar Peranan Perunding Dalam Menyediakan Rekabentuk Sejagat Secara Inklusif untuk membantu MPSP, Agensi Pelaksana dan *Principal Submitting Person* (PSP) di dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, warga tua dan golongan orang kurang upaya (OKU) atau semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur, saiz dan keupayaan fizikal.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pihak Perunding yang terdiri daripada Arkitek, Jurutera, Juru Ukur, Juru Rancang, Pemaju serta agensi pelaksana yang terlibat dalam industri pembangunan berhubung spesifikasi Reka Bentuk Sejagat dan kaedah aplikasi yang lebih tepat dalam setiap permohonan kelulusan pelan bangunan dan pembinaan di tapak. Perunding memainkan peranan yang penting dalam memastikan keperluan Reka Bentuk Sejagat

disediakan dalam setiap pelan dan projek yang dicadangkan melalui spesifikasi, senarai semak dan butiran reka bentuk yang dapat berfungsi dengan betul apabila ia dibina dan dilaksanakan di tapak.

Seminar ini diharapkan akan mempertingkatkan keprihatinan para peserta agar menjadi lebih peka terhadap keperluan golongan kurang upaya dalam mewujudkan masyarakat yang berdaya dan inklusif di samping meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab bersama, selaras dengan “*Sustainable Development Goal No. 11 iaitu: Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*’.

Seminar ini juga akan merungkai beberapa kesalahan teknikal dan kesalahan fizikal di tapak yang sering dilakukan oleh Arkitek, Jurutera dan Pemaju dalam penyediaan pelan pembangunan dan pembinaan di tapak agar ianya selari dengan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL – 34A) dan Malaysian Standard (MS-1184).

Seramai 129 orang peserta menyertai seminar ini iaitu:-

- i. 32 peserta daripada Agensi Kerajaan / Pelaksana.

- ii. 53 peserta daripada pihak perunding (arkitek / jurutera / juru ukur / juru rancang).
- iii. 44 peserta adalah dari MPSP yang mewakili Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Landskap.

Seminar ini akan disampaikan oleh empat (4) orang penceramah yang terdiri daripada mereka yang pakar serta berpengalaman luas dalam Reka Bentuk Sejagat , mereka ialah:-

- I. Dr. Tiun Ling Ta daripada Penang Accessibility Action Group yang akan memberi penerangan berhubung keperluaan orang kurang upaya secara inklusif;
- II. Professer Dato' Sri Ar Dr Asiah Abdul Rahim daripada Universiti Islam Malaysia yang akan memberi penerangan berhubung peranan *Principal Submitting Person* (PSP) dan pemaju dalam penyediaan Reka Bentuk Sejagat;

- III. Puan Hajah Dalilah Bee Binti Abdullah daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang akan memberikan penerangan berhubung keperluan Reka Bentuk Sejagat berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan keperluan Reka Bentuk Sejagat dan Malaysia Standard (MS 1184); dan seterusnya
- IV. Puan Noorhanis Binti Noordin daripada MPSP yang akan memberikan penerangan mengenai peranan MPSP dalam menguatkuasakan Reka Bentuk Sejagat.

MPSP mempunyai perancangan untuk meneruskan program berkaitan keperluan Reka Bentuk Sejagat di masa hadapan dengan mengadakan bengkel susulan yang disasar untuk mewujudkan kumpulan pasukan audit aksesibiliti yang terdiri daripada jabatan-jabatan teknikal untuk merekabentuk dan mengaudit prasana rekabentuk sejagat dengan betul.

**YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP amat mengambil serius terhadap ketidakpatuhan keperluan Reka Bentuk Sejagat ini dan sudah tiba masanya tindakan penguatkuasaan diambil termasuk tidak meluluskan pelan-pelan yang tidak mematuhi piawai dan keperluan OKU.

MPSP telah menguatkuaskan pemakaian Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 UKBS 34A yang diwartakan pada 11 Novemberr 1993 untuk permohonan pelan-pelan pembangunan di Seberang Perai bagi permohonan yang tidak menepati Undang-Undang Kecil ini dan MPSP tiada kompromi dalam menolak pelan-pelan pembangunan terutamanya pelan bangunan yang gagal menyediakan Reka Bentuk Sejagat ini serta ketidakpatuhan di tapak pembangunan.

Para profesional di dalam industri pembinaan hendaklah memainkan peranan penting dalam menjadikan Seberang Perai sebagai bandaraya yang inklusif. Oleh demikian, kumpulan ini perlulah membetulkan persepsi bahawa penyediaan Reka Bentuk Sejagat bukanlah sesuatu yang

menyukarkan tetapi penyediaan akses OKU di dalam bangunan dan tempat awam dapat memberikan manfaat terhadap sosial dan ekonomi bagi memenuhi tuntutan masyarakat yang terus meningkat.

**YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya berharap pengajuran seminar ini sedikit sebanyak dapat membantu Pegawai MPSP, *Principal Submitting Person* (PSP), Pemaju, Agensi Pelaksana dan lain-lain di dalam merancang serta menyediakan kemudahan Reka Bentuk Sejagat ini bagi pemajuan-pemajuan di Seberang Perai dan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Ianya juga diharap dapat membantu warga tempatan dalam memastikan kesempurnaan fasiliti bangunan boleh digunakan oleh semua peringkat pengguna dan seterusnya fasiliti golongan OKU secara amnya dipelihara dengan baik dan ianya lebih mesra pengguna.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi yang bermakna ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada para moderator, urus setia terutamanya Jabatan Bangunan dan Jabatan Khidmat Pengurusan dan semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung bagi menjayakan seminar ini.

Dengan ini, saya ucapkan selamat berseminar dan saya berharap semua peserta memberikan perhatian serius terhadap perkara yang akan dipерsembahkan dalam taklimat seminar ini.

Saya dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, merasmikan Seminar Peranan Perunding Dalam Menyediakan Reka Bentuk Sejagat Secara Inklusif ini.

Sekian,

***Wabillahitaufik    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

Terima kasih.